



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi
Penasihat Undang-Undang Universiti
Legal Advisor to the University
e-mail: shad247@salam.uitm.edu.my

Tarikh: 29 April 2014
Rujukan kami 100-UiTM (PUU-14/3)(1)

Y. Bhg. Profesor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Penyelidikan Perundingan (RMI)
UiTM Shah Alam

Y. Bhg. Prof,

**KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH UiTM KE-140:-
KELULUSAN CADANGAN PENURUNAN KUASA MELULUSKAN
MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA), MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MOU) DAN NON DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) BAGI PROJEK
PERUNDINGAN RMI, UiTM**

Dengan segala hormat perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita pihak Pejabat Penasihat Undang (PPUU) memaklumkan bahawa pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU) di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM ke-140 pada 25 Mac 2014 telah meluluskan penurunan kuasa kepada Institut Penyelidikan Perundingan (RMI) untuk meluluskan Memorandum Perjanjian (MoA), Memorandum Persefahaman (MoU) dan Non Disclosure (NDA) bagi projek perundingan.

3. Namun begitu, kelulusan yang telah diberikan adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:

- i. Bagi NDA: Setiap NDA perlu melalui prosedur semakan undang-undang oleh pihak PPUU.
- ii. Bagi MoU:
 - a. Sebagai langkah pertama untuk menjalinkan hubungan kerjasama dan juga untuk memastikan bahawa projek yang hendak dijalankan akan diberikan kepada pihak UiTM, pihak RMI hendaklah menggunakan *standard* MoU yang telah diperakui oleh pihak PPUU, di mana *standard* MoU tersebut akan mengandungi terma-terma minima yang akan dinyatakan sebagai *Statement of Co-operation*.

- b. Setelah Statement of Co-operation ini ditandatangani, pihak-pihak boleh berusaha untuk menderaf sebuah MoU yang lebih terperinci dan MoU ini perlu melalui proses semakan undang-undang dan mendapatkan kelulusan pihak PPUU sebelum pihak-pihak menandatangani MoU itu.

iii. Bagi MoA:

Prosedur untuk kelulusan MoA adalah dibahagikan kepada dua (2) jenis MoA iaitu MoA yang seragam (*standard MoA*) ataupun MoA yang tidak menggunakan MoA seragam (*non standard MoA*)

Bagi *standard MoA* yang telah disemak dan diperakui oleh pihak PPUU, kuasa untuk meluluskan MoA tersebut bergantung kepada jumlah nilai projek perundingan.

- a) Sekiranya projek perundingan tersebut **bernilai RM500,000.00 atau kurang** daripada jumlah ini, maka MoA tersebut hendaklah dibentangkan kepada Lembaga Akaun Amanah Perundingan dan kepada Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) untuk mendapatkan kelulusan. Setelah kelulusan diperolehi, maka pihak RMI diberikan mandat untuk menandatangani MoA tersebut.

- a) Bagi projek perundingan yang **bernilai lebih daripada RM500,000.00, standard MoA** tersebut hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Eksekutif (JKE) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Hanya setelah kelulusan diberikan oleh pihak JKE dan LPU, maka *standard MoA* tersebut akan ditandatangani oleh Naib Canselor.

Bagi projek perundingan yang tidak menggunakan MoA yang seragam (*non standard MoA*), maka kuasa untuk menandatangani *non standard MoA* adalah bergantung kepada jumlah nilai kewangan projek tersebut.

- a) Bagi projek perundingan **yang bernilai RM500,000.00 atau kurang, non standard MoA** itu perlu dihantar kepada PPUU untuk semakan undang-undang dan hanya setelah pihak PPUU meluluskan *non standard MoA* tersebut, barulah *non standard MoA* tersebut dibentangkan kepada Lembaga Akaun Amanah Perundingan dan kepada Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) untuk mendapatkan kelulusan dan setelah kelulusan diperolehi, pihak RMI diberikan mandat untuk menandatangani MoA tersebut.


- b) Untuk projek perundingan yang bernilai **lebih daripada RM500,000.00, non standard MOA** tersebut perlu dihantar kepada PPUU untuk semakan

- b) Untuk projek perundingan yang bernilai lebih daripada RM500,000.00, *non standard* MOA tersebut perlu dihantar kepada PPUU untuk semakan undang-undang-undang dan hanya setelah pihak PPUU meluluskan *non standard* MoA tersebut, pihak RMI boleh membentangkan *non standard* MoA itu kepada Jawatankuasa Eksekutif (JKE) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Hanya setelah kelulusan diberikan oleh pihak JKE dan LPU, maka *non standard* MoA tersebut akan ditandatangani oleh Naib Canselor.

4. Pihak Y. Bhg. Prof dinasihatkan untuk mengambil perhatian akan kelulusan Mesyuarat LPU UiTM yang ke-140 ini dan untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



SHAD SALEEM FARUQI
Penasihat Undang-Undang Universiti

.../ak

Disertakan satu salinan kelulusan Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM ke-140.



اَوْبُوْ سَيِّدِيْ تَيْكُوْ لُوْ كِيْنِ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LEMBAGA PENGARAH

Surat kami : 100-BPD(BPS/LPU(S).36/3)(2)(S)
Tarikh : 10 April 2014

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi
Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
Aras 5, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
UiTM Shah Alam

YBhg. Datuk

KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH UiTM KE-140

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Pengarah dalam mesyuarat ke-140 pada 25 Mac 2014 telah membuat keputusan berikut yang memerlukan tindakan susulan pihak YBhg. Datuk.

Bil	Perkara	Keputusan
1.	Perkara B 2996 Permohonan Kelulusan Cadangan Penurunan Kuasa Meluluskan Memorandum Perjanjian (MoA), Memorandum Persefahaman (MoU) dan <i>Non Disclosure Agreement</i> (NDA) Bagi Projek Perundingan RMI, UiTM	Lembaga Pengarah bersetuju meluluskan penurunan kuasa kepada Institut Penyelidikan Perundingan (RMI) untuk meluluskan Memorandum Perjanjian (MoA), Memorandum Persefahaman (MoU) dan <i>Non Disclosure Agreement</i> (NDA) bagi projek perundingan tertakluk kepada syarat-syarat berikut: <ol style="list-style-type: none">1. NDA NDA perlu melalui semakan undang-undang.2. MoU<ol style="list-style-type: none">i. Penggunaan <i>standard MoU</i> dengan terma yang minima dalam bentuk <i>Statement of Co-operation</i> yang telah diperakui oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang serta ditandatangani oleh kedua belah pihak sebagai langkah pertama untuk memastikan projek itu diberikan kepada pihak UiTM.ii. Proses kelulusan MoU perlu melibatkan semakan undang-undang sebelum ditandatangani oleh kedua belah pihak.

Surat kami : 100-BPD(BPS/LPU(S).36/3)(2)(S)
Tarikh : 10 April 2014

Bil	Perkara	Keputusan
		<p>3. MoA</p> <p>Bagi MoA yang seragam (<i>standard MoA</i>) dan diperakui oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none">i. Projek perundingan yang bernilai RM500,000.00 atau kurang, hendaklah dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Akaun Amanah Perundingan serta Penolong Naib Canselor (Penyelidikan), dan RMI diberi mandat untuk menandatangani MoA tersebut.ii. Projek perundingan yang bernilai lebih daripada RM500.000.00, hendaklah dibentangkan untuk kelulusan JKE dan LPU terlebih dahulu sebelum ditandatangani oleh Naib Canselor. <p>Bagi projek perundingan yang tidak menggunakan <i>standard MoA</i> seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Projek perundingan yang bernilai RM500,000.00 atau kurang, MoA perlu melalui semakan undang-undang terlebih dahulu sebelum dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Akaun Amanah Perundingan dan seterusnya Penolong Naib Canselor (Penyelidikan), dan RMI diberi mandat untuk menandatangani MoA tersebut.ii. Projek perundingan yang bernilai melebihi RM500,000.00, MoA perlu melalui semakan undang-undang terlebih dahulu sebelum dibentangkan untuk kelulusan JKE dan LPU dan seterusnya ditandatangani oleh Naib Canselor.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk semua keputusan adalah tertakluk kepada pindaan memandangkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-140 hanya akan disahkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-141 yang dijadualkan pada 6 Mei 2014.

Sekian, terima kasih.

**JADIKAN UiTM YANG TERBAIK
UTAMAKAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME**

Yang benar



HAJAH ROHAYAH HAJI HASHIM
Timbalan Pendaftar (Governan & Sekretariat Universiti)
b.p. Pendaftar